

511:
MAHATHIR

1975

252

PETALING JAYA, 16 JAN. (BERNAMA)-- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI, TINDAKAN-TINDAKAN YANG MENGHALANG ATAU MENYELEWENKAN PARA PELAJAR DAN AHLI AKADEMIK DARI MENCAPI MATLAMAT PENTING MEREKA MEMBUAT PENYELIDIKAN DAN MENGAJAR BOLEH MENJEJASKAN PEMBANGUNAN NEGARA INI.

KATANYA, MALAYSIA DI PERINGKAT PEMBANGUNAN SEKARANG INI TIDAK MAMPU MENGALAMI SEBARANG GANGGUAN TERHADAP RANCANGAN PELAJARNYA.

TAMBAHNYA, +NEGARA-NEGARA MAJU MAMPU UNTUK MENGADAKAN TEMASYA DAN PESTA DI UNIVERSITI-UNIVERSITI MEREKA, TETAPI KITA DI SINI TERPAKSALAH MENEKANKAN BAHAWA UNIVERSITI-UNIVERSITI MEMAINKAN PERANAN TRADISI MASING-MASING IAITU MENJALANKAN TUGAS-TUGAS MENGAJAR DAN MENYELIDIK.+

DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA MEMBUKA PERSIDANGAN AGUNG YANG KESEPULOH PERSATUAN YAYASAN-YAYASAN PELAJARAN TINGGI ASIA TENGGARA DAN SEMINAR MENGENAI PENERBITAN ILMIAH DI INSTITIUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN) DI SINI.

KATANYA, PERUNTUKAN KERAJAAN SEBANYAK 24 PERATUS DARIPADA BELANJAWANNYA KEPADA PELAJARAN MENCERMINKAN KEPERCAYAAN KERAJAAN TERHADAP PELAJARAN SEBAGAI SATU CARA BAGI MENCAPI CITA-CITA PEMBANGUNAN. --BERSAMBUNG 1055/MD

513:
MAHATHIR 2 PETALING JAYA

DR. MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN TELAH CUBA MENGATASI MASALAH KEKURANGAN BUKU-BUKU TEKS DENGAN MENGUSAHAKAN PENULISAN DAN PENTERJEMAHAN BUKU-BUKU SERTA MENJALANKAN PENERBITANNYA SENDIRI.

BARU-BARU INI PULA, KERAJAAN TELAH MEMBUAT KEPUTUSAN MEMINJAMKAN BUKU-BUKU TEKS DENGAN PERCUMA KEPADA KIRA-KIRA 2-1/2 JUTA MURID SEKOLAH YANG KEBANYAKANNYA MISKIN. RANCANGAN INI AKAN MENELAN BELANJA PERMULAAN SEBANYAK \$62 JUTA.

BELIAU BERKATA, KEMENTERIANNYA JUGA MENYOKONG USAHA-USAHA PEHAK UNIVERSITI-UNIVERSITI MENJALANKAN PENERBITAN BUKU-BUKU ILMIAH.

MULAI TAHUN INI, UNIVERSITI MALAYA TELAH MENERIMA PERUNTUKAN SEBANYAK \$35,000 BAGI MEMAJUKAN PENERBITAN JOURNAL AKADEMIKNYA DALAM FAKULTI SAINS DAN UNDANG-UNDANG.

TAMBAHNYA, JIKA LAIN-LAIN FAKULTI MEMPUNYAI CADANGAN-CADANGAN YANG KONKRIT BAGI MENERBITKAN JOURNAL DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU, BANTUAN KEWANGAN YANG DIPERLUKAN MUNGKIN DAPAT DIBERIKAN, KERANA UNIVERSITI MALAYA TELAH MENDAPAT \$100,000 UNTUK TABUNG PUSINGANNYA. --BERSAMBUNG
1106/MD

DR. MAHATHIR BERKATA, RANCANGAN ITU MERUPAKAN SATU CABARAN KEPADA KAKITANGAN AKADEMIK UNTUK MENERBITKAN KERTAS-KERTAS ILMIAH BERTARAF ANTARABANGSA BAGI JOURNAL FAKULTI MASING-MASING.

SUNTINGAN TERHADAP JOURNAL-JOURNAL TERSEBUT TIDAK SEDIKIT PUN AKAN DIGANGU. BAGI UNIVERSITI MALAYA, SEGALA URUSAN MENERBITKAN JOURNAL AKAN DIUSAHA DAN DIKENDALIKAN OLEH PEHAK PENTADBIRAN UNIVERSITI ITU SENDIRI MENERUSI PERCETAKAN UNIVERSITI MALAYA.

DR. MAHATHIR JUGA BERKATA, MALAYSIA JUGA TERKEMUKA DALAM USAHA MENGUKUHKAN PERPADUAN SERANTAU.

BELIAU BERHARAP PERSIDANGAN ITU AKAN MENGUKUHKAN LAGI HUBUNGAN SERANTAU DENGAN MERAPATKAN PARA PENERBIT DAN PENGARANG DI RANTAU INI SERTA MENYEDIAKAN KEPERLUAN-KEPERLUAN ASAS BAGI MELICINKAN LAGI USAHA PENERBITAN AKADEMIK DI RANTAU INI.

WAKIL-WAKIL DARI TUJUH BUAH NEGARA ANGGUTA PERSATUAN, AHLI-AHLI CERDEK PANDAI DAN PENGARANG-PENGARANG DARI CANADA DAN AUSTRALIA JUGA MENGHADIRI SEMINAR TIGA HARI ITU. --BERNAMA

545
MAHATHIR 4 PETALING JAYA (SAMBUNGAN BERITA 515)

NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYA, PROF UNGKU AZIZ BERKATA, SATU-SATUNYA CARA UNTUK MENCAPAI PERPADUAN DAN KEUTUHAN RANTAUAN YANG LEBIH BESAR TERUTAMA DI BIDANG PELAJARAN TINGGI IALAH DENGAN MEMBERIKAN PENGHORMATAN DAN GALAKAN KEPADA PARA CERDIK PANDAI NEGARA SENDIRI DAN DI NEGARA-NEGARA JIRAN DI RANTAU INI.

KATANYA, +PARA CERDIK PANDAI ASIA TENGGARA HANYA MENDAPAT PENGIKTIRAFAN DI LUAR NEGARA MEREKA SENDIRI, BIASANYA DI BAHAGIAN SEBELAH BARAT DAN TIMUR DUNIA INI. +

BELIAU MENAMBAH, DALAM USAHA UNTUK MEMBERI PENGIKTIRAFAN YANG LEBIH BESAR KEPADA CERDIK PANDAI ASIAHL TELAH MENGADAKAN RANCANGAN KULIAH TAHUNAN. SETIAP TAHUN, SESEORANG PELAJAR YANG DIANGGAP TELAH MEMBUAT SUMBANGAN PENTING DALAM BIDANG PENGETAHUAN BERKENAAN DI NEGARNYA DIPILIH UNTUK MEMBERI SYARAHAN DI SEBUAH NEGARA ANGGUTA.

ASIAHL DIANGGUTAI OLEH 40 UNIVERSITI DARI MALAYSIA, SINGAPURA, NEGERI THAI, INDONESIA, FILIPINA, VIETNAM DAN HONGKONG TELAH DIKTIRAF OLEH UNESCO SEBAGAI SEBUAH PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN TAHUN LALU.

SELAIN MENGADAKAN SEMINAR, ASIAHL JUGA MENGGALAKKAN PERTUKARAN GURU-GURU DAN PELAJAR DI KALANGAN NEGARA ANGGUTA BAGI MEMAJUKAN LAGI BIDANG KEBUDAYAAN, KERJASAMA DAN PERSEFAHAMAN. -- BERSAMBUNG 1353/YF

546:
MAHATHIR 5 PETALING JAYA

PROF. UNGKU AZIZ BERKATA, RANCANGAN PERTUKARAN AKADEMIK ASIAHL MENYEDIAKAN BELANJA UNTUK CERDIK PANDAI DIYAYASAN-YAYASAN NEGARA ANGGUTA MELAWAT DAN MENGAJAR DI UNIVERSITI-UNIVERSITI DI RANTAU INI. SEMENTARA RANCANGAN FELLOWSHIP ASIAHL MENGADAKAN BANTUAN KEWANGAN UNTUK MEREKA YANG INGIN MEMBUAT LAWATAN SINGKAT KE UNIVERSITI-UNIVERSITI DI NEGARA-NEGARA ASIA TENG.

BELIAU BENCADANGKAN NEGARA-NEGARA RANTAU INI MENERBITKAN JOURNAL RANTAUAN DENGAN TERJEMAHAN KE BAHASA-BAHASA UTAMA DI RANTAU INI. DALAM USAHA INI, KERAJAAN SERANTAU HENDAKLAH MENGATASI SEBARANG MATLAMAT NASIONAL, KATANYA.

ASIAHL, KATANYA, BOLEH MENGGALAKKAN PENERBITAN JOURNAL YANG MEMENTINGKAN MASAALAH SERANTAU DENGAN MENAWARKAN BANTUAN KEWANGAN DAN LAIN-LAIN KEPADA BADAN-BADAN PELAJARAN SERTA MENGADAKAN SEMINAR YANG DIHADIRI BERSAMA OLEH PARA PENERBIT, PENGARANG DAN PENTADBIR UNIVERSITI. -- BERNAMA 1354/ZCM

254